



TIMBALAN KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM (OPERASI)
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853003
Faks : 03-88892637
E-mel: ismailias@jpa.gov.my
Web : http://www.jpa.gov.my



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008
NO SIJIL : MY-AR : 4697

Ruj. Kami: JPA(BPM)(S)201/2 klt.2 (1)
Tarikh: 11 September 2013

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

AKTIVITI PENGUJIAN PRESTASI HRMIS MELALUI PENGISIAN LNPT 2013

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, JPA telah melaksanakan beberapa aktiviti pembaikan dan penambahbaikan aplikasi dan infrastruktur ke arah mempertingkatkan prestasi HRMIS. Sehingga kini, jabatan ini telah menerima maklumbalas positif daripada pengguna-pengguna terhadap prestasi HRMIS. Ini dapat dilihat daripada penurunan bilangan aduan yang signifikan terhadap capaian aplikasi HRMIS iaitu daripada 3.15% pada bulan Januari 2013 kepada 0.4% pada bulan Julai 2013 iaitu selepas pembaikan dan penambahbaikan dibuat.

3. Sehubungan itu, susulan daripada arahan YBhg. Tan Sri KPPA iaitu memastikan prestasi HRMIS berada ditahap yang terbaik menjelang hujung tahun, satu aktiviti pengujian *user stress test* akan diadakan yang melibatkan aktiviti pengisian LNPT 2013 seperti yang ditetapkan di dalam Jadual 1. Semua PYD di agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan hendaklah **mengisi maklumat sebenar yang dikehendaki di Bahagian II LNPT iaitu Kegiatan Dan Sumbangan Di Luar Tugas Rasmi bermula Januari 2013 sehingga tarikh surat ini.**

JADUAL 1: AKTIVITI PENGUJIAN PRESTASI HRMIS MELALUI PENGISIAN LNPT 2013

AKTIVITI	TINDAKAN	TARIKH/ TEMPOH
Melengkapkan Bahagian II LNPT - Kegiatan Dan Sumbangan Di Luar Tugas Rasmi/ Latihan DAN Klik "Simpan"	PYD/ Semua Agensi Awam	12 Hingga 20 September
Tinjauan Perkembangan Aktiviti	JPA	17 September

4. Sebarang pertanyaan berhubung pelaksanaan aktiviti pengujian prestasi HRMIS ini boleh dirujuk kepada:

- (i) Puan Putri Noorafedah binti Megat Tajudin
(Tel.: 03-8316 4035, emel: putri.tajudin@jpa.gov.my)
- (ii) Encik Nurisham bin Yusoff
(Tel.: 03-8316 4330, emel: nurisham.yusoff@jpa.gov.my)

Segala kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam memberi komitmen memastikan kelancaran aktiviti ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. ISMAIL ALIAS)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Awam

S.K.:

YBhg. Tan Sri KPPA
YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua CIO Agensi